

SULIT



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM

TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.
 2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.
 3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
-

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan beberapa sukan lasak yang semakin popular. Huraikan pendapat anda tentang kebaikan menyertai kegiatan sukan lasak. Panjangnya huraian handaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

AKTIVITI SUKAN LASAK



Bahagian B

[100 markah]

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu danpada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Konsep Sakolah Panyayang berteraskan budaya kemesraan dan sayang-manyayangi dalam kalangan guru dan murid.

Jelaskan cara-cara anda manghangai kasih sayang guru.

2. Bapa ialah suri teladan kapimpinan dalam sesabuah rumah tangga tarutama kepada anak-anak lelaki. Pandangan ini selaras dengan salah satu matlamat pendidikan negara, iaitu memperkasakan pelajar lelaki.

Huraikan sifat-sifat kepimpinan yang perlu diasuh oleh ibu bapa kepada anak lelaki mereka sebagai pemimpin kaluarga.

3. Peninggalan sejarah dan warisan budaya merupakan aset yang mesti dipertahankan dengan baik agar dapat dijadikan sumber rujukan dan tatapan generasi akan datang.

Sarankan langkah-langkah mamulihara peninggalan sejarah negara.

4. Hampir tujuh bilion perut di seluruh dunia semakin terasakan behana kenaikan harga bahan makanan. Faktor yang menggusarkan masyarakat dunia ialah stok makanan semakin berkurang.

Bincangkan punca-punca kerosotan bekalan makanan dunia.

5. Berdaarkan sebuah karya sastera yang anda baca, jelaskan amalan-amalan baik yang sesuai dipraktikkan oleh masyarakat kini.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM
TAHUN 2012**

**MATA PELAJARAN
BAHASA MELAYU
Kertas 1**

KRITERIA PENSKORAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
(30 markah)**

KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---------------------------|--|---|
| Cemerlang | 26 – 30 (28 – 30) (26 – 27) | - menepati tugasan soalan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas dan tepat - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - mesti menggunakan ungkapan yang menarik - idea relevan, huraian jelas dan matang |
| Kepujian | 20 – 25 (23 – 25) (20 – 22) | - menepati tugasan soalan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraian jelas |
| Memuaskan | 15 – 19 (17 – 19) (15 – 16) | - masih menepati tugasan soalan - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat - penggunaan kosa kata umum - wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi - idea masih relevan, huraian masih jelas |
| Kurang Memuaskan | 10 -14 (12 – 14) (10 – 11) | - masih/kurang menepati tugasan soalan - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat - kesalahan tatabahasa/ejaan ketara - penggunaan kosa kata terhad - wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea kurang relevan, huraian kurang jelas |
| Pencapaian Minimum | 01 – 09 (06 – 09) (01 – 05) | - calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - banyak kesalahan bahasa (kata dan ayat) - idea tidak menepati tugasan soalan |

Peringatan:

- Ungkapan menarik – peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.
- Peringkat cemerlang – calon mesti menggunakan sekurang-kurangnya satu ungkapan menarik yang relevan.
- Jawapan yang menyeleweng, markah maksimum ialah ‘memuaskan’.
- Sekiranya calon menulis lebih 250 patah perkataan, periksa seperti biasa.
- Kesalahan ejaan tidak ditolak markah.

Bahagian B - Karangan Respons Terbuka

(100 markah)**Perincian Pemarkahan****Cara Pemeriksaan :**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka(100 markah)**KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|------------------|--|--|
| CEMERLANG | 80 – 100 (90 – 100) (80 – 89) | <ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugas - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa bervariasi - gaya bahasa menarik daripada segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa |
| KEPUJIAN | 66 – 79 (73 – 79) (66 – 72) | <ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugas - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - gaya bahasa masih menarik daripada segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa |
| BAIK | | <ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum |

| | | |
|---------------------------|---|--|
| | 51 – 65 (58 -65) (51 – 57) | <ul style="list-style-type: none"> - ejaan dan tanda baca masih betul. - penggunaan kosa kata umum - laras bahasa sesuai mengikut tugasan - idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai - pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai - wacana masih lengkap - penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - gaya bahasa kurang menarik daripada segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan |
| MEMUASKAN | 36 – 50 (43 – 50) (36 – 42) | <ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata terhad - ayat kurang gramatis - ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum - penggunaan kosa kata umum dan terhad - laras bahasa kurang sesuai - idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai - pengolahan kurang menarik - wacana masih/kurang lengkap - penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan |
| KURANG MEMUASKAN | 21 – 35 (28 – 35) (21 – 27) | <ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kata kurang tepat - ayat tidak gramatis tetapi masih difahami - terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang - unsur bahasa tidak bervariasi - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah |
| pencapaian minimum | 01 – 20 (11 – 20) (01 – 10) | <ul style="list-style-type: none"> - keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis - kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik - keseluruhan karangan sukar/tidak difahami |

KRITERIA PENSKORAN TAMAT

SULIT



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM

TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
 2. Jawab semua soalan.
 3. Jawapan bagi soalan 2(b), 2(c), 2(d) dan soalan 4 berdasarkan teks komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.
 4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
-

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah pencegahan kes-kes kekejaman terhadap kanak-kanak dan manfaatnya. Panjangnya rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sekali lagi rakyat Malaysia dikajutkan dengan *kejadian menyayat hati* yang mambabitkan pembunuhan kanak-kanak. Pembunuhan kejam ini maninggalkan kasan yang mandalam kerana kita baru saja diumumkan sebagai negara aman yang ke-19 di dunia. Paling sadis jenayah disabitkan oleh perlakuan individu yang bermasalah jiwa dan mental serta tidak boleh dikanal paati kerana individu ini kelihatan normal dan hidup bebas dalam masyarakat. Berdasarkan kajian, kas jenayah kanak-kanak juga bolah berlaku di mana-mana sahaja dan tingkah laku pelakunya sukar dijangkakan kerana tidak semua kes mampunyai corak perlakuan jenayah yang sama. Kes ini juga boleh dikaitkan dengan individu pedofilia yang mengalami gangguan psikoseksual.

Walau bagaimanapun, ibu bapalah yang perlu bertanggungjawab terhadap kesalamatan anak-anak. Kabanyakan kes janayah yang terjadi disebabkan kaalpaan ibu bepa yang membenarkan kanak-kanak ini bersendirian. Sabenarnya, ibu bapa kepada kanak-kanak yang berusia bawah tujuh tahun secara sengaja mendedahkan anak mereka kepada kamungkinan diculik atau dilarikan, boleh dikenakan hukuman mangikut seksyen 31 Akta Kanak-kanak 2001. Seksyen 33 pula menyatakan adalah menjadi kesalahan jika ibu bapa atau penjaga membiarkan anak mereka tanpa pengawasan orang dewasa atau meninggalkan anak untuk satu tempoh yang tidak munasabah atau membiarkan maraka dalam keadaan tidak munasabah.

Ibu bapa harus mengajar anak supaya mempunyai sifat curiga kapada orang yang tidak dikanali dan mengehadkan sempadan kehadiran orang yang tidak 'diiktiraf' sebagai saudara mara atau sahabat keluarga. Kanak-kanak di bawah umur pula seharusnya sentiasa berada di bawah pengawasan keluarga. Kanak-kanak tidak seharusnya dibiarkan kaluar bersendirian tanpa ditamani oleh ahli keluarga. Jangan sudah terhantuk, baru tengadah. Kesilapan sedatik ini akan menyababkan penderitaan sepanjang hayat. Walaupun pesanan seperti ini sentiasa disampaikan, masih ada lagi ibu bapa yang beranggapan tiada salahnya membenarkan anak kecil berada di luar rumah kerana mereka sudah biasa dengan persekitaran kawasan tempat tinggal. Ibu bapa perlu mencari titik keseimbangan bagi memastikan masa berkualiti dapat diberikan kepada anak-anak. Ibu bapa juga perlu sedar behawa anak-anak juga berhak untuk bersama-sama mereka. Jangan mangawasi anak-anak hanya secara bermuaim. Sabagai contoh, ketika berlaku kes kehilangan kanak-kanak seperti Nurin Jazlin Jazmin dan Dirang barulah ibu bapa sibuk memastikan keselamatan anak mereka tarjamin. Selapas sekutika, ingatan terhadap kejadian kanak-kanak hilang, dibunuh dan dibakar semakin terhakis. Ibu bapa kembali bersikap sambil lewa.

Harua manjadi ingatan, kejadian janayah akan berlaku apabila wujud peluang yang luas untuk penjenayah bertindak. Penjenayah tidak saharusnya diberikan ruang dan peluang seperti ini. Peranan ibu bapa sangat penting dalam memastikan persekitaran anak

sentiasa selamat. Ibu bapa merupakan benteng pertama dalam memastikan kehidupan anak terjamin. Semoga kisah arwah Nurul Nadirah Abdullah menjadi pengajaran yang berguna kepada semua pihak.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana **Jangan ambil mudah keselamatan anak di luar rumah** oleh Anuar Patho Rohman,
Berita Harian Isnin 9 April 2012)

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kejadian menyayat hati*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah pelaku jenayah terhadap kanak-kanak sukar dikenal pasti? [3 markah]
- (iii) Berikan pendapat anda tentang peranan masyarakat dalam memerangi kes-kes kekejaman terhadap kanak-kanak. [4 markah]

Soalan 2(b) Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Inilah dia! Pak Husain pahlawan kami!

"Masa yang betul-betul tidak bertemu, aku kira hampir tiga puluh tahun," tiba-tiba Pak Husain berkata.

"Ya," jawabku. Kita berpisah dalam tahun empat puluh enam. Sekarang tujuh puluh tiga."

Pak Husain menikam pandangannya ke wajahku. Aku yang sudah empat puluh enam tahun. Dia masih kelihatan begitu gagah. Bahagian muka dan tubuhnya masih kelihatan tegap kalaualah tidak kerana kakinya yang buntung. Usianya sudah meningkat enam puluh. Barangkali lebih.

"Nampaknya, Pak Husain masih segar," kataku *menanam harapan pada dadanya*.

Dia senyum sahaja. Merenung orang ramai.

"Selalu sakit-sakit. Mak Da sudah meninggal. Lima tahun lalu."

Aku mengucap kalimah suci. Mengangguk-angguk.

"Jemputlah ke rumah kami," kataku. "Kami tinggal di Jalan Bayam. Abang dan adik kebetulan ada."

"Terima kasih, Khalid!" Pak Husain menanamkan matanya ke dalam mataku. "Aku nak ke Padang Bemban, rumah cucuku. Dia aqiqah."

Ketika kami berpamit, perpisahanku dengan Pak Husain merentangkan sebuah jalan ingatan tentang kekejaman perang. Dia mengingatkan aku pada sifat kekejaman untuk sesuatu perebutan pengaruh politik yang memperalatkan nyawa.

Pahlawan Buntung itu tersiuk-siuk pergi!

(Dipetik daripada cerpen **Pahlawan Buntung** oleh
S.Othman Kelantan dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Huraikan maksud *menanam harapan pada dadanya*.

[2 markah]

- (ii) Nyatakan tiga keadaan diri Pak Husain mengikut pandangan penulis

[3 markah]

- (iii) Huraikan satu persoalan dalam petikan cerpen di atas dan satu persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Soalan 2(c) Patikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Megat Iskandar dan Megat Kadah keduanya ialah kakanda kepada Sultan Maliku'l-Nasir di Rimba Jerun. Segala rakyat serta kedua raja itu kasih akan Merah Silu. Megat Iskandar menyuruh segala rakyat mambawa beras seorang sekampit. Pada suatu hari, Megat Iskandar bermuafakat dengan orang besar-besar, orang tua-tua dan segala rakyat dalam negeri itu. Kata Megat Iskandar, "Hai segala tuan-tuan, apa fikiran kita akan Merah Silu ini? Pada bicara hamba baiklah kita jadikan dia raja kerana ia pun sedia raja, lagi ia hartawan. Dapat kita menumpang bersuka kepadanya."

Antara mereka yang hadir itu seorang bernama Tun Aria Benong. Tun Aria Benong tiada mahu tiada mahu Merah Silu dijadikan raja. Ujarnya, "Jikalau ia kita jadikan raja, nescaya anak cucu kita dipenintahnya."

Megat Iskandar bermuafakat lagi dengan segala orang dan baginda tetap hendak merejekan Merah Silu, lalu Merah Silu diangkat menjadi raja.

(Dipetik daripada **Merah Silu**, antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Benarkan maksud rangkai kata *nescaya anak cucu kita dipenintahnya* berdasarkan petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tiga sebab Merah Silu dipilih menjadi raja. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kelebihan amalan muafakat dalam pemilihan pemimpin? [3 markah]

Soalan 2(d) Puisi

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Adat Sezaman

Peradaban zaman semakin berlalu
meninggalkan kesan mendalam
terlalu indah apabila dipandang
terlalu mulia apabila diselidik
santun si dara jadi idaman
warak si teruna jadi ikatan
si tua tersanyum mesra
memandang teruna dara
sama cantik sama padan
berganding bersama
di singgahsana...
Masa itu telah jauh
zaman sudah berlalu
santun sang dara
dan warak sang teruna telah lenyap
si tua berduka lara
memandang teruna dara
bergandingan tanpa silu
tanpa hormat
tanpa batasan
adat sezaman ditinggal jauh
adat agama dipandang remeh
adat kuning jadi ikutan.

Antologi *Harga Ramaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berdasarkan sajak di atas, nyatakan amalan mulia teruna dan dara pada zaman dahulu. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah golongan remaja kini mengabaikan adat dan agama? [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, menggunakan perkataan sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) memelihara
- (ii) memulihara
- (iii) menambah
- (iv) menambak
- (v) menjirus
- (vi) menjurus

[6 markah]

- (b) Pisahkan setiap ayat majmuk di bawah ini menjadi dua ayat tunggal dengan mengekalkan maksudnya.

- i. Malaysia mempunyai kelebihan menerajui pengeluaran produk halal kerana orang Islam akan lebih yakin membeli produk keluaran negara Islam.
- ii. Kehidupan hari ini lebih mencabar dan kita perlu peka terhadap setiap perubahan yang berlaku.
- iii. Antioksidan pada teh hijau dan teh hitam mampu melambatkan pembentukan bakteria di dalam mulut.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Alangkah terkejutnya apabila mengetahui bahawa suara puntianak menggilai itu bukanlah suara sebenar tetapi rakaman daripada telefon bimbit milik rakanku.
- (ii) Langkah kerajaan menurunkan ta'arif elektrik bagi penggunaan domestik dan komersial akan mengurangkan kos operasi pelbagai sektor industri bagi memperkuuhkan kedudukan ekonomi negara.

- (iii) Tanah runtuh berlaku akibat pembangunan tanpa mengambil kira atau mamahami peranan hutan dan bukit-bukau sebagai kawasan tada hujan yang penting.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, tardapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kasalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu manyalin ayat itu samula.

- (i) Setengah orang suka mengambil kesempatan apabila seseorang ditindih kesusahan.
- (ii) Pihak kerajaan tempatan diusulkan agar memperbanyak aktiviti yang menguntungkan kepada para remaja.
- (iii) Ayah menasihati agar kami mengikut rasmi padi, semakin berisi semakin tunduk supaya kami tidak bersikap bongkak.

[6 markah]

(e) Baca dialog di bawah dengan teliti, kamudian nyatakan **peribahasa yang sesuai bagi mengisi tumpat kosong dalam dialog tersebut**.

Tuan Haji Ali: Jika tidak ada kebebasan untuk membuat keputusan sendiri dalam manantukan hala tuju negara, kita akan dianggap seperti(1)..... kerana mengikut sahaje kehendak orang lain.

Prof. Hasni: Jadi, anak muda perulah sedar tanggungjawab mereka mempertahankan negara dan sanggup berkorban sehingga ke titisan darah terakhir. Peribahasa(2)..... perlu menjadi pegangan mereka.

Tuan Haji Ali: Kita mengharapkan ganerasi muda di negara ini dapat meneruskan legasi negara supaya setanding dengan negera maju, sesuai dengan peribahasa(3).....

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan di bawah. Jawapan anda handaklah bardasarkan novel-novel yang barikut:

- (i) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah.
- (ii) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir.

(a) Jelaskan peteraian cerita daripada sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

(b) Huraikan satu pengajaran bagi kedua-dua buah novel yang anda pelajari.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM

TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- a. Isi - **20** markah
- b. Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan:

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.

1. Nama khas
2. Perkataan berulang
3. Penggunaan kata depan
4. Tarikh
5. Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
6. Gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| Bahagian | Markah | | | | | | | | | | Markah |
|----------------------|--------|----|----|---|---|---|----|----|----|--|-----------|
| Pendahuluan | | | | | | | | | | | 2 |
| Isi tersurat | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | | |
| Isi tersirat | 12 | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 | | 16 |
| Penutup/Kesimpulan | | | | | | | | | | | 2 |
| Jumlah markah | | | | | | | | | | | 20 |

Pendahuluan/Pengenalan [2 markah]

Petikan membincangkan **cara/kaedah/usaha** pencegahan kes-kes kekejaman terhadap kanak yang berlaku di Malaysia/di negara ini. (2m)

Isi tersurat [4 - 12 markah]

(langkah)

1. Ibu bapa perlu bertanggungjawab terhadap keselamatan kanak-kanak.(2m)
2. Ibu bapa harus mengajar anak supaya mempunyai sifat curiga kepada orang yang tidak dikenali (2m)
3. Mengajar anak mengehadkan sempadan kehadiran orang yang tidak ' diiktiraf ' sebagai saudara mara atau sahabat keluarga.(2m)
4. Kanak-kanak di bawah umur seharusnya sentiasa di bawah pengawasan keluarga (2m)
5. Ibu bapa perlu mencari titik keseimbangan bagi memastikan masa berkualiti dapat diberikan kepada anak-anak. (2m)
6. Ibu bapa perlu sedar bahawa anak-anak juga mempunyai hak untuk bersama-sama mereka. (2m)
7. Jangan mengawasi anak-anak secara bermusim. (2m)
8. Penjenayah tidak seharusnya diberikan ruang dan peluang untuk bertindak. (2m)
9. Ibu bapa juga perlu memastikan persekitaran anak sentiasa selamat. (2m)

Isi tersirat [4 - 12 markah]

(manfaat)

1. Keselamatan anak-anak lebih terjamin/selamat sepanjang masa. (2m)
2. Kes-kes jenayah terhadap kanak-kanak dapat dicegah lebih awal. (2m)
3. Kanak-kanak lebih prihatin terhadap keperluan menjaga keselamatan diri/ kanak-kanak terdidik untuk bertindak sendiri menghalang jenayah terhadap mereka. (2m)
4. Ibu bapa lebih prihatin terhadap pergerakan anak-anak. (2m)
5. Undang-undang kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak menjadi lebih kemas (2m)
6. Melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap keselamatan kanak-kanak. (2m)
7. Pihak polis/pihak berkuasa dapat bertindak segera jika ada laporan. (2m)

Kesimpulan [2 markah]

1. Semua pihak perlu berganding bahu mencegah kekejaman terhadap kanak-kanak agar keselamatan kanak-kanak terjamin. (2m)

Atau

2. Kes kekejaman terhadap kanak-kanak perlu diperangi habis-habisan supaya generasi muda dapat menikmati kehidupan yang sejahtera (2m)

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada setengah markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut.

| Peringkat | Markah isi | Markah Bahasa | Huraian |
|------------------|------------|---------------|--|
| Baik | 18 - 20 | 9 - 10 | - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik |
| | 15 - 17 | 7 - 9 | - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul. |
| Sederhana | 12 - 14 | 6 - 7 | - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan |
| | 8 - 11 | 4 - 6 | - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan masih Memuaskan |
| Lemah | 1 - 7 | 1 - 4 | - Pada keseluruhannya serba kekurangan/ tidak memuaskan |

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, **berikan 0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** perkataan, **markah tidak dipotong**.
- (v) Jika jawapan ditulis dalam bentuk poin, berikan 50% daripada markah bahasa yang diperoleh.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- 2(a) : **9** markah
- 2(b) : **9** markah
- 2(c) : **8** markah
- 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks, dan jawapan itu **tepat/betul**, **berikan separuh (50%)** daripada **markah yang diperuntukkan** sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/salah | 0 |

2. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis | 2 |
| - Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis | 0 |

3. Soalan 4 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|--------|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis | 2 |
| - Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis | 0 |

Soalan 2 (a) : Petikan Umum

Markah

(i) Maksud rangkai kata *kejadian menyayat hati*

Peristiwa/perkara/perihal yang menghiris perasaan/jiwa

[maksimum: 2 markah]

(ii) Pelaku jenayah terhadap kanak-kanak sukar dikenal pasti kerana

- mereka kelihatan normal 1
- mereka hidup bebas 1
- tingkah laku mereka sukar dijangkakan 1
- corak perlakuan jenayah mereka tidak sama 1

[maksimum: 3 markah]

- (iii) Peranan masyarakat bagi memerangi kes kekejaman terhadap kanak-kanak
- Prihatin/peka/sensitif terhadap keselamatan kanak-kanak 1
 - Melaporkan kes kepada pihak berkuasa dengan segera 1
 - Bertindak spontan menghalang kejadian 1
 - Peka akan kehadiran orang asing/luar yang dicurigai/tidak dikenali 1
 - Menegur/menasihati ibu bapa/ahli keluarga yang bertindak kejam terhadap kanak-kanak 1

[maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen

- (i) Maksud *menanam harapan pada dadanya*

- menaruh kepercayaan terhadapnya/membina keyakinan dirinya

[maksimum: 2 markah]

- (ii) Tiga keadaan diri Pak Husain

- dia kelihatan begitu gagah 1
- muka/tubuhnya masih tegap 1
- kakinya buntung/kudung 1
- nampak segar/sihat/cergas 1
- tersiuk-siuk/nampak kesakitan ketika beredar 1

[maksimum : 3 markah]

- (iii) persoalan dalam petikan

- Menghargai persahabatan yang sudah lama terjalin.

Contoh: Pertemuan semula Pak Husain dan penulis setelah berpisah hampir 30 tahun. 1+1

- Mengenang/menghargai jasa pahlawan

Contoh: Penulis mengatakan bahawa Pak Husain ialah pahlawan mereka. 1+1

- Kasih sayang terhadap ahli keluarga

Contoh: Pak Husain hendak menghadiri majlis aqiqah cucunya. 1+1

Persoalan daripada keseluruhan cerpen

- Kekejaman/kezaliman peperangan demi meluaskan empayar pemerintahan
Contoh: Tentera Jepun sanggup membunuh rakyat tempatan bagi memastikan Tanah Melayu dapat ditakluki sepenuhnya. 1+1

- Pengorbanan menyelamatkan penduduk kampung

Contoh: Pak Husain bersusah payah mengatur perpindahan orang kampung ketika Jepun menyerang. 1+1

- Sikap tolong-menolong semasa peperangan

Contoh: Pak Husain meminta Khalid menyelamatkan keluarganya sebelum dibunuh oleh tentera Jepun. 1+1

- Ketabahan mengharungi kesengsaraan hidup semasa perang

Contoh: Pak Husain tabah meneruskan kehidupan walaupun kaki kirinya kudung akibat ledakan bom. 1+1

[maksimum: 4 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik

- (i) Maksud *nescaya anak cucu kita diperintahnya*
tentulah/pastilah keturunan/waris/zuriat kita dikuasainya
[maksimum: 2 markah]

- (ii) Tiga sebab
 - Baginda memang sudah menjadi raja 1
 - Keturunan hartawan/kaya 1
 - Boleh menumpang berlindung/bernaung/berteduh 1

[maksimum: 3 markah]

- (iii) Kelebihan
 - Pilihannya lebih tepat 1
 - Pemimpin itu disukai ramai 1
 - Tiada pilih kasih/bias 1
 - Mengurangkan kontroversi 1
 - Institusi/badan/pasukan menjadi lebih sepakat/mantap 1

[maksimum: 3 markah]

2(d) : Pemahaman Puisi

- (i) Amalan mulia teruna dan dara
 - Anak gadis bersopan santun 1
 - Pemuda/peria warak 1[maksimum: 2 markah]

- (ii) Sebab
 - Zaman berubah. 1
 - Budaya Barat mempengaruhi kehidupan 1
 - Pendidikan agama longgar/kurang mantap 1
 - Penerapan adab sopan semakin terhapus 1
 - Tanggungjawab mendidik diserahkan kepada orang lain 1

[maksimum: 3 markah]

- (iii) Gaya bahasa
 Responsi
 Contoh
 - *terlalu indah apabila dipandang*
terlalu mulia apabila diselidik
 - *santun si dara jadi idaman*
*warak si teruna jadi ikatan*1+1
- Kata panggilan
 Contoh : si, sang1+1

Anafora :

- terlalu indah apabila dipandang
terlalu mulia apabila diselidik

atau

- adat sezaman ditinggal jauh
adat agama dipandang remeh
adat kuning jadi ikutan.

1+1

- bahasa Arab

Contoh: warak.

1+1

- bahasa klasik/arkaik

Contoh: teruna/dara/singgahsana

1+1

- repetisi

Contoh: apabila/adat/sama cantik/sama padan/ tanpa/si,

1+1

- asonansi

Contoh: terlalu indah apabila dipandang (ulangan i)
si tua tersenyum m^esra (ulangan e)

1+1

- aliterasi

Contoh: santun si dara jadi idaman (ulangan d)
bergandingan tanpa silu (ulangan n)

1+1

- perlambangan

Contoh: adat kuning (maksudnya budaya Barat yang meruntuhkan akhlak)

1+1

[maksimum: 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. **Tolak $\frac{1}{2}$ markah** bagi kesalahan **ejaan dan jalan bahasa/tanda baca** untuk keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, **berikan 0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, **berikan 0 markah**.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, **tolak $\frac{1}{2}$ markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah
11. Ayat yang tidak logik berikan **0 markah**

Soalan 3 (a) Bina Ayat

| | | |
|-------|--------------------------|---|
| (i) | memelihara memulihara | :membela, menjaga, merawat, mengerjakan, mengusahakan. :memulihkan serta menjaga, melindungi sesuatu supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik |
| (ii) | menambah menambak | :menjadikan lebih banyak, memberi tambah, menokok, menjumlahkan dengan, mencampur :menimbunkan/melonggokkan tanah dll supaya tinggi, menurap jalan dll dengan tanah, melepa, membina tambak pada, membuat benteng pada |
| (iii) | menjirus menjurus | :menyiram dengan air :mengarah, menuju (terus ke atau kepada) |

[Maksimum : 6 markah]

Perhatian bagi soalan 3(b)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap jawapan yang betul.
 - (i) Malaysia mempunyai kelebihan menerajui pengeluaran produk halal. Orang Islam akan lebih yakin membeli produk keluaran negara Islam.
 - (ii) Kehidupan hari ini lebih mencabar.
Kita perlu peka terhadap setiap perubahan yang berlaku.
 - (iii) Antioksida pada teh hijau mampu melambatkan pembentukan bakteria di dalam mulut.
Antioksida pada teh hitam mampu melambatkan pembentukan bakteria di dalam mulut.

[Maksimum : 6 markah]

3(c)

| Bil. | Kesalahan | Pembetulan |
|------|----------------|------------|
| i. | puntianak | pontianak |
| | menggilai | mengilai |
| ii. | ta'arif | tarif |
| | memperkukuhkan | memperkuuh |
| iii | runtoh | runtuh |
| | tadah | tadahan |

[Maksimum : 6 markah]

3 (d)

| Bil. | Kesalahan | Pembetulan |
|------|----------------------------------|------------------------------|
| i. | Setengah | Sesetengah/setengah-setengah |
| | ditindih | ditimpa |
| ii | diusulkan | disarankan/dicadangkan |
| | menguntungkan kepada para remaja | menguntungkan para remaja |
| iii | menasihati agar kami | menasihati kami |
| | rasmi | resmi |

[Maksimum : 6 markah]

Perhatian bagi soalan 3(e)

1. Berikan 2 markah bagi setiap peribahasa yang betul

| bil | peribahasa |
|-----|---------------------------------------|
| 1 | seperti lembu dicucuk hidung |
| 2 | biar putih tulang jangan putih mata |
| 3 | duduk sama rendah berdiri sama tinggi |

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah.

Panduan pemarkahan bagi soalan 4

4(a)

- (i) Jawapan berdasarkan **sebuah novel** yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat **lengkap**
- (iii) Berikan **2 markah** bagi setiap peristiwa yang lengkap/jelas dengan huraihan.
- (iv) Berikan **1 markah** bagi peristiwa yang kurang lengkap/kurang jelas.
- (v) Markah **isi maksimum 4 markah** (maksimum 2 markah bagi setiap isi)
- (vi) Markah **bahasa maksimum 3 markah**
- (vii) Markah bahasa diberikan secara ‘impression’
 - i. Baik = 3 markah
 - ii. Sederhana = 2 markah
 - iii. Lemah = 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

4(a) Peleraian cerita

Novel Azfa Hanani:

- Datuk Tengku Makmur dan Datin Maziah sudah menerima kehadiran Azfa Hanani sebagai dirinya sendiri iaitu bukan sebagai Tengku Murni.
- Azfa Hanani kembali tinggal di banglo Datuk Tengku Makmur.
- Cikgu Zamin akan mengahwini kakak Kamilah iaitu rakan Azfa Hanani di Sekolah Menengah Sri Dian.
- Azfa Hanani menganggap Nordin dan Roslan sebagai kawan-kawan baiknya.
- Hari Sumbangsih Sekolah Menengah Taman Sari telah berlangsung dengan jayanya.
- Kumpulan Budak Glamor telah berpecah.
- Iskandar terbunuh dan Laili dirawat di ICU kerana terlibat dengan kemalangan.
- Pasukan Forum Remaja menempa kejayaan gemilang di peringkat negeri dan Azfa Hanani diumumkan sebagai Pengurus Forum terbaik.
- Azfa Hanani telah pergi ke rumah Ekran kerana terlalu ingin menemuinya. Dia terperanjat melihat kehadiran Abang Muzaffar.
- Tengku Muzaffar berbaik-baik dengan Ekran dan membantu Ekran membina gerai burger baru.
- Rahsia keluarga Ekran terbongkar.

Kembara Amira

Peleraian cerita

- Amira berjaya melanjutkan pelajaran di salah sebuah IPT di Kuala Lumpur dalam jurusan aeroangkasa.
- Malique berjaya menggagalkan projek cari gali emas dan dia sudah terputus hubungan dengan O'hara. Malique telah dilantik menjadi ketua kampung dan terus berbakti di hutan tersebut.
- Itai pula melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Kubang Kerian, Kelantan. Dia berusaha menerima Tau sebagai bapa dan Malique sebagai abangnya.
- Jacinta berada di Paris kerana terlibat dengan perniagaan ayahnya dalam bidang fesyen.
- Prof. Zaidah meneruskan kerja-kerja arkeologinya. Doktor Zawawi tidak lagi bekerja dengan Prof Zaidah. Dia kini cuba mengesan khazanah Melayu yang tenggelam di laut. Tempat Doktor Zawawi digantikan oleh Rusdi.

4(b)

- (i) Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari.
 (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
 (iii) Berikan **1 markah** bagi setiap pengajaran yang **lengkap** daripada mana-mana novel.
 (iv) Berikan **2 markah** bagi setiap huraiyan yang **lengkap**
Berikan 1 markah bagi huraiyan yang kurang **lengkap**
 (vi) Markah isi **maksimum 6 markah** (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
Markah bahasa maksimum 2 markah
 (vii) Markah bahasa diberikan secara *impression*.
 Baik = 2 markah
 Lemah = 1 markah
 (ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
 (x) Calon tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum: 8 markah]

4(b) Pengajaran

Azfa Hanani:

i). Kita hendaklah sanggup berkorban untuk mendapat kebaikan.

Contohnya:

Azfa Hanani sanggup berkorban dengan menyamar sebagai Tunku Murni supaya pelajarannya tidak tercincir/Zuriani mendapat rawatan yang lebih baik.

ii). Kita hendaklah tabah dalam menghadapi kesukaran semasa belajar.

Contohnya:

Azfa Hanani sanggup berulang-alik ke sekolah dengan menaiki bas sejauh 30 kilometer pergi balik dan berjimat cermat kerana kekurangan wang persekolahan.

iii). Kita hendaklah ingat akan asal usul kita walaupun di mana-mana kita berada.

Contohnya:

Azfa Hanani tetap mengakui akan dirinya yang miskin walaupun telah tinggal bersama keluarga yang berada.

iv). Kita janganlah buruk sangka terhadap seseorang sebelum menyelidik terlebih dahulu tentang dirinya.

Contohnya:

Datuk Tengku Makmur menyangka Azfa Hanani menyamar sebagai Tengku Murni kerana hendakkan wang sedangkan penyamaran itu ialah suatu pengorbanan yang ikhlas.

v). Kita hendaklah bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu tugas untuk mencapai kejayaan.

Contohnya:

Murid-murid tingkatan lima yang diketuai oleh Ekran bekerjasama dalam menjayakan Hari Sumbangsih/ Malam Bakat Sumbangsih.

vi). Kita hendaklah menepati janji yang telah kita lafazkan.

Contohnya:

Datuk Tengku Makmur/Datin Maziah mengambil Azfa Hanani tinggal bersama-sama mereka kerana mereka telah berjanji pada enam belas tahun dahulu untuk memberikan kasih sayang kepadanya.

vii). Kita hendaklah insaf sekiranya melakukan sesuatu kesalahan.

Contohnya:

Tengku Muzaffar sedar kelemahan dirinya dalam hal keagamaan.

iii). Kita janganlah mencuri kerana perbuatan itu dilarang oleh agama.

Contohnya:

Azfa Hanani mencuri buku-buku rujukan di perpustakaan Sekolah Menengah Sri Dian.

ix). Kita janganlah sompong dengan kedudukan keluarga yang dianggap kaya.

Contohnya:

Laili bersikap sompong dengan kawan-kawan di sekolah/ dia anak orang kaya/ Anak datuk Minhad yang menderma RM 10,000 pada tahun lepas.

x). Kita janganlah menjadi remaja yang liar.

Contohnya:

Iskandar cuba menggoda Azfa Hanani dan menunggang motosikal bersama Laili. Akibatnya Iskandar mati dan Laili dirawat di ICU kerana kemalangan.

Kembara Amira:

i). Kita hendaklah menunjukkan sifat kasih sayang sesama manusia/ alam sekitar.

Contohnya:

Prof.Zaidah tetap menjaga keharmonian hutan itu walaupun dia seorang ahli arkeologi / Tau terlalu sayang akan hutan tempat tinggalnya sehingga sanggup menyamar menjadi makhluk misteri kerana ingin menjaga keselamatan hutan itu daripada pencerobohan orang luar yang ingin mengeksplorasi hutan itu.

ii). Kita haruslah menghormati pendapat/pandangan orang lain/ Jangan asyik bekerja sehingga mengabaikan anak sendiri.

Contohnya:

Prof Zaidah menghormati pendapat Pak Lias agar memberikan lebih perhatian kepada anaknya, Amira.

iii). Kita mestilah sabar dalam menghadapi sebarang masalah/dugaan hidup.

Contohnya:

Prof Zaidah merupakan seorang yang sangat sabar dalam menjalankan tugas sebagai ahli arkeologi, walaupun banyak peristiwa pahit dilaluinya.

iv). Kita harus tahu menilai erti persahabatan yang sebenar.

Contohnya:

Hubungan persahabatan antara Jacinta dengan Amira begitu rapat walaupun berbeza agama dan bangsa. Oleh sebab itulah Jacinta sering mengikut Amira membantu Prof.Zaidah dalam bidang arkeologi.

v). Kita hendaklah menolong orang yang memerlukan bantuan/pertolongan.

Contohnya:

Ludin dan Itai membantu merawat tangan Prof Zaidah sehingga sembuh setelah tangan kiri Prof Zaidah terseliuh akibat kemalangan / Amira dan rakan-rakannya bekerjasama dan berusaha bersungguh-sungguh mencari Malique yang hilang sehingga akhirnya mereka berjaya menemukan Malique di puncak gunung.

vi). Kita hendaklah menghormati ibu bapa walaupun kita kecewa dengan tindakan mereka.

Contohnya:

Pada mulanya, Jacinta kecewa dengan tindakan bapanya kerana telah berkahwin lain sedangkan ibunya baru meninggal dunia 4 tahun yang lalu. Namun, akhirnya dia menerima kenyataan itu dan mengikut bapanya ke Paris mengusahakan perniagaan fesyen di sana.

vii). Jangan mudah berputus asa.

Contohnya:

Tau tidak pernah berputus asa untuk bertemu semula dengan anaknya/Sabi setelah anak itu dilarikan oleh isterinya semasa anak itu/Sabi masih kecil. Akhirnya Tau bertemu semula dengan anaknya/Sabi kerana naluri seorang bapa yang ada dalam hatinya begitu kuat.

viii). Jangan memusnahkan alam sekitar atas tujuan memperoleh keuntungan.

Contohnya:

Pembalak haram dan pencari emas sanggup memusnahkan alam sekitar kerana ingin mencari kekayaan/ John O'hara mempergunakan Malique untuk mencari lokasi kawasan emas yang terdapat dalam hutan itu.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT.